



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**NILAI SOSIAL DALAM KARYA KESUSASTERAAN 'SIDDHA'**

**KAYALVILY A/P THARMALINGAM**

**FBMK 2019 6**



**NILAI SOSIAL DALAM KARYA KESUSASTERAAN '*Siddha*'**

Oleh

**KAYALVILY A/P THARMALINGAM**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**Januari 2019**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

## NILAI SOSIAL DALAM KARYA KESUSASTERAAN '*Siddha*'

Oleh

KAYALVILY A/P THARMALINGAM

Januari 2019

**Pengerusi** : **Profesor Madya Paramasivam Muthusamy, PhD**  
**Fakulti** : **Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini bertujuan menganalisis nilai-nilai sosial yang terdapat dalam puisi-puisi kesusasteraan '*Siddha*'. Walaupun banyak kajian yang berasaskan nilai sosial dikaji sebelum ini, namun tidak ada sebarang kajian ilmiah yang memaparkan nilai-nilai sosial yang terdapat dalam puisi-puisi '*Siddha*'. Di samping itu, sehingga kini, tidak ada juga sebarang kajian ilmiah yang mengkaji khususnya tentang puisi-puisi yang dihasilkan oleh para '*Siddha*'. Kajian-kajian lalu diperlihatkan hanya menyentuh tema perbincangan tentang sejarah tradisi '*Siddha*' serta Perubatan '*Siddha*'. Sementara itu, kajian-kajian lepas tentang kesusasteraan '*Siddha*' yang berbentuk artikel dan jurnal juga hanya menyentuh tema perbincangan pada peringkat asas sahaja. Maka kajian semasa ini membuka peluang dalam dunia penulisan untuk meneliti pemaparan nilai-nilai sosial dalam puisi-puisi para '*Siddha*' secara terperinci. Objektif kajian ini bersifat mengenalpasti, menganalisis serta merumuskan nilai-nilai sosial yang terdapat dalam puisi-puisi para '*Siddha*' yang terpilih. Kajian ini berpandukan kepada Teori Moral Kant. Kaedah Kajian Perpustakaan telah digunakan untuk mengumpul data secara interpretasi kesusasteraan. Kajian ini berpusatkan kepada tiga nilai sosial terpilih yang mendasari karya kesusasteraan '*Siddha*' dalam puisi-puisi para '*Siddha*'. Sebanyak 42 buah puisi daripada koleksi antologi puisi-puisi '*Siddha*', '*Patinettu Siddhargalin Mukkiya Paadalgalum Vilakkangalum*' telah dipilih sebagai alat kajian utama. Dapatan kajian dapat membuktikan bahawa wujudnya nilai-nilai sosial dalam puisi-puisi kesusasteraan '*Siddha*' yang dianalisis. Nilai-nilai sosial tersebut ialah, Akhlak (Disiplin), Ketaksamaan Sosial (Sistem Kasta) dan Kepercayaan Agama. Puisi-puisi tersebut telah dicipta mengikut keadaan dan keperluan umat manusia bagi mencapai kerohanian hidup yang sempurna. Penemuan kajian ini mendedahkan bahawa, puisi-puisi tersebut juga menjadi panduan hidup kepada manusia sepanjang hayat mereka. Di samping itu, penemuan kajian ke atas puisi-puisi para '*Siddha*' dapat dijadikan panduan kepada generasi akan datang, selain menjadi perintis kepada kajian-kajian akan datang dalam usaha mendalami aspek-aspek sosial secara terperinci berdasarkan mana-mana hasil karya kesusasteraan '*Siddha*'. Melalui penyelidikan

ini, tingkah laku dan pemikiran pembaca puisi-puisi '*Siddha*' juga dapat diubah. Malahan, penyelidikan ini dapat memperlihatkan persepsi dan peranan puisi-puisi '*Siddha*' bukan sahaja sekadar khazanah tradisi kesusasteraan '*Siddha*' semata-mata. Malahan, penyelidikan ini berjaya membuktikan fungsi puisi-puisi '*Siddha*' dapat dikukuhkan serta peranannya sebagai sumber nilai sosial dalam pembentukan seorang insan yang bahagia dan sejahtera yang dapat membentuk kebahagiaan dalam kehidupan seharian.

Kata kunci : nilai, sosial, puisi, '*Siddha*'



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

## THE EXPRESSION OF SOCIAL VALUES IN '*Siddha*' LITERATURE

By

KAYALVILY D/O THARMALINGAM

January 2019

**Charmain : Associate Professor Paramasivam Muthusamy, PhD**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

The purpose of this study is to analyse the social values found in the literary poems '*Siddha*'. Although many social-value studies have been studied before, however, there is no scientific study showing social values found in the poems of '*Siddha*'. In addition, until now, there is no scientific study that specifically reviews poems produced by the '*Siddha*'. Recent studies have shown that only the theme of the discussion of the history of the '*Siddha*' and the '*Siddha*' Medicine. Meanwhile, past studies of literary '*Siddha*' literature and journals also touch only the theme of discussion at the basic level. Thus, the present study opens up opportunities in the writing world to examine the social values of the '*Siddha*' poems in detail. The objective of this study is to identify, analyse and summarize the social values found in the selected '*Siddha*' poems. This study is based on Kant's Moral Theory. Library Study Methods have been used to collect data literally interpreting. The study focuses on the three selected social values that underlie the literary works of '*Siddha*' in the poems of the '*Siddha*'. A total of 42 poems from anthology collection of poems '*Siddha*', '*Patinettu Siddhargalin Mukkiya Paadalgalum Vilakkangalum*' were selected as the main tool of study. The findings show that there are social values in literary poems '*Siddha*' that are analysed. Those social values are, Morals (Discipline), Social Inequality (Caste System) and Religious Beliefs. These poems have been created according to the circumstances and needs of mankind to achieve the perfect spirit of life. The findings of this study reveal that these poems are also a guide to life for humans throughout their lives. In addition, research findings on *Siddha's* poems can be used as a guide to future generations, as well as pioneering future studies in the pursuit of detailed social aspects based on any of *Siddha's* literary works. Through this investigation, the behaviour and thoughts of the readers of the poems '*Siddha*' can also be changed. In fact, this research can show the perceptions and roles of '*Siddha*' poems not merely a mere '*Siddha*' literary tradition. In fact, this research has proven the function of '*Siddha*' poems to be strengthened as well as their role as a source of social value in the creation of a happy and prosperous human being that can create happiness in everyday life.

Keywords: values, social, poetry, '*Siddha*'

## PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan kesyukuran kepada Tuhan Yang Maha Esa atas limpah kurnia dan keyakinan daripadanya membolehkan saya menyempurnakan projek penyelidikan ini dengan penuh kesungguhan. Segala pencapaian yang baik adalah datang daripadanya.

Ingin saya mengenang jasa semua yang membantu dalam menjayakan penghasilan tesis ini. Pertamanya saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia saya, Professor Madya Dr. Paramasivam Muthusamy yang telah membimbing dan memotivasikan saya sepanjang proses penyelidikan ini. Tanpa panduan, bimbingan dan tunjuk ajar beliau sudah pasti projek penyelidikan ini tidak dapat dijayakan. Sistem perbincangan antara rakan penyelidik yang diamalkan oleh beliau telah menjadi penyuluh perjuangan saya. Beliau juga telah memperkenalkan ramai cendekiawan dan pakar bidang kajian dari dalam dan luar negara.

Saya juga merakamkan penghargaan kepada Ahli jawatankuasa penyelia Dr. Sharil Nizam Bin Sha'ri kerana sangat membantu saya dalam membetulkan format dan kandungan tesis ini serta penulisan artikel untuk diterbitkan. Saya sangat kagum dengan sikapnya sangat aktif dan bertenaga dalam membimbing saya, secara tidak langsung telah menggerakkan saya.

Saya juga mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh ahli keluarga saya iaitu, suami saya Rubi Indran, anak-anak saya Lhishaanthini, Preeshalini dan Rhoshan Varmaa, ibu bapa saya Encik Tharmalingam dan Puan Mariaie serta adik beradik saya Chithra Devi, Parama Kumar dan Sanmuga Letchumi serta ibu mertua saya Puan Sarathambal yang telah banyak bersabar, membantu, memberikan sokongan moral, dan memastikan kejayaan saya. Mereka telah banyak bersabar dan memahami situasi saya semasa membuat tesis ini.

Saya juga sangat bertuah mempunyai sekumpulan kawan yang sentiasa bersedia membantu, dan mendoakan kejayaan saya. Rakan seperjuangan saya Umma Madhubalan dan Saraswathi telah banyak bersabar dengan kerenah saya dan membantu mengharungi segala cabaran bersama.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Paramasivam Muthusamy, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Sharil Nizam Sha'ri, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Kayalvily A/P Tharmalingam, GS 37591

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Paramasivam Muthusamy

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Dr. Sharil Nizam Sha'ri

## ISI KANDUNGAN

### Muka surat

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
1.1	Pengenalan	1
1.1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.1.2	Kelahiran Tradisi ' <i>Siddha</i> '	4
1.1.3	Amalan ' <i>Siddha</i> ' di Malaysia	5
1.2	Pernyataan Masalah	6
1.3	Persoalan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Kepentingan Kajian	8
1.6	Batasan Kajian	8
1.7	Definisi Operasional	9
1.7.1	Nilai	9
1.7.2	Sosial	10
1.7.3	Nilai Sosial	10
1.7.4	Puisi	10
1.7.4.1	Perkembangan Puisi Bahasa Tamil	12
1.8	Kesimpulan	13
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	14
2.1	Pengenalan	14
2.2	Kajian tentang karya kesusasteraan ' <i>Siddha</i> '	15
2.3	Kajian tentang bidang sosial dan stratifikasi sosial	19
2.4	Kajian-kajian terdahulu tentang Teori Moral Kant	23
2.5	Perkaitan Sorotan Kajian dengan Kajian Semasa	24
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	26
3.1	Pengenalan	26
3.2	Reka Bentuk Kajian	26
3.2.1	Kaedah Kualitatif	26
3.2.2	Kaedah Rujukan Perpustakaan	28
3.3	Kerangka Teori	29
3.4	Alat Kajian	29
3.5	Prosedur Kajian	30
3.6	Analisis Dapatan	31
3.7	Teori Moral Kant	31

3.8	Pendekatan Kajian	32
3.9	Kerangka Teori Konseptual	34
3.10	Kesimpulan	34
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>36</b>
4.1	Pengenalan	36
4.2	Nilai-nilai sosial dalam puisi-puisi ' <i>Siddha Kaduveli</i> ', ' <i>Siddha Sivavaakkiyar</i> ', ' <i>Siddha Konganar</i> ', ' <i>Siddha Agappey</i> ' dan ' <i>Siddha Saddai Muni</i> '	37
4.3	Penganalisisan nilai-nilai sosial dalam puisi-puisi ' <i>Siddha</i> ' dan perbincangan tentang nilai-nilai tersebut dengan karya kesusasteraan Tamil yang lain	40
4.3.1	Nilai akhlak	40
4.3.1.1	Kebenaran	40
4.3.1.2	Kebendaan	49
4.3.1.3	Keinginan untuk memenuhi nafsu	56
4.3.2	Nilai Ketaksamaan Sosial	62
4.3.2.1	Sistem Kasta dan Status	63
4.3.3	Nilai Kepercayaan Agama	69
4.3.3.1	Kepercayaan kepada Tuhan	70
4.3.3.2	Ketidakekalan (Kefanaan)	75
4.4	Implikasi Dapatan Kajian	82
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>83</b>
5.1	Pengenalan	83
5.2	Rumusan Kajian	83
5.3	Dapatan Kajian	83
5.3.1	Nilai Akhlak	84
5.3.2	Sistem Kasta dan Status	84
5.3.3	Nilai Kepercayaan kepada Agama	84
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	85
5.5	Penutup	85
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>87</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>99</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>105</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
4.1 Rumusan Kajian (Bilangan Puisi)	37
4.2 Rumusan nilai-nilai sosial dalam puisi-puisi terpilih	39
4.3 Rumusan Analisis Kajian (Aspek kebenaran)	41
4.4 Rumusan Analisis Kajian (Aspek kebendaan)	50
4.5 Rumusan Analisis Kajian (Aspek keinginan untuk memenuhi nafsu)	56
4.6 Rumusan Analisis Kajian (Sistem Kasta dan Status)	64
4.7 Rumusan Analisis Kajian (Aspek Kepercayaan Kepada Tuhan)	70
4.8 Rumusan Analisis Kajian (Aspek Ketidakekalan)	75

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
3.1 Kerangka Teori	29
3.2 Rumusan Prosuder Kajian	30
4.1 Tiga nilai sosial yang utama iaitu akhlak, ketaksamaan sosial dan kepercayaan agama	38



## SENARAI SINGKATAN

### TERJEMAHAN

Penterjemahan nama dan istilah Tamil melalui terjemahan bahasa Malaysia adalah berdasarkan Sistem Terjemahan yang digunakan dalam *Tamil Lexicon*. Berikut ialah terjemahan huruf-huruf bahasa Tamil yang digunakan.

Vokal			
Pendek		Panjang	
அ	a	ஆ	aa
இ	i	ஈ	ii
உ	u	ஊ	uu
எ	e	ஏ	ee
ஓ	o	ஔ	oo

Diftong	
ஐ	ai
ஔ	au

Konsonan					
Keras		Lembut		Sederhana	
க	k/g/h	ங்	ng	ய்	y
ச	c/s/j	ஞ்	ny	ர்	r
ட	t/d	ண்	N	ல்	l
த்	Th	ந்	n	வ்	v
ப்	b/p	ம்	m	ழ்	zh
ற்	R	ன்	n	ள்	L

Tulisan Grantha	
ஜ்	j
ஹ்	h
ஸ்	sh
ஷ்	sy
க்ஷ்	ksh
ஸ்ரீ	sri

Sumber: Radha Sellappan (2011)

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kesusasteraan dan kelompok manusia tidak dapat dipisahkan kerana merupakan cerminan sosial yang memaparkan nilai-nilai sosial. Penghasilan kesusasteraan sentiasa mengutamakan permasalahan manusia. Secara umumnya, kesusasteraan dikatakan sebagai satu ekspresi hidup yang mencerminkan unsur-unsur sosial dalam kehidupan seharian manusia.

Unsur-unsur kerohanian dalam seseorang itu dapat dipertingkatkan melalui Ilmu kesusasteraan. Pemikiran dan keinsanan diri seseorang itu dapat ditingkatkan melalui pembacaan pelbagai jenis karya sastera. Secara tidak langsung, pelbagai masalah sosial umpamanya boleh dirawat malah boleh dibendung dengan membangunkan rohani manusia.

Mengikut pandangan Shahnnon, 1991, pemikiran dan jiwa diri insan seseorang itu dapat dibangunkan melalui pembacaan pelbagai jenis karya sastera. Walaupun karya sastera dikatakan sebagai imaginasi pengarang, namun fakta-fakta realiti yang memaparkan pelbagai ilmu disiplin seperti ilmu sosial, agama, sejarah, politik dan ekonomi turut terdapat dalam kandungannya. Pembaca-pembaca karya sastera menjadi lebih matang dimana mereka sentiasa peka terhadap hal-hal yang berlaku di sekeliling mereka. Di samping itu, menurut Teeuw (1995), menyatakan bahawa intipati sesuatu karya sastera yang memperlihatkan perasaan belas kasihan di kalangan pembaca, dapat membuang nafsu dalam diri pembaca serta menjadikannya sebagai seorang budiman.

Pendapat Teeuw di atas menunjukkan bahawa karya sastera berupaya untuk meningkatkan keperibadian mulia seseorang itu.

Sebuah karya sastera melambangkan manifestasi pengarangnya dimana kebanyakan situasi dan kenyataan-kenyataan yang terdapat dalam sebuah karya sastera ialah kehidupan sebenar masyarakatnya. Pengarang sebagai pencipta yang merekod fenomena di sekelilingnya untuk dikongsi dengan para pembacanya. Justeru itu, sastera juga boleh dilihat sebagai pencerminan kehidupan sebenar manusia yang diterjemahkan secara hemah oleh penulisnya.

Pembahagian masalah sosiologi sastera telah dinyatakan dalam buku Wellek dan Warren (Wellek and Warren, 1949) *Theory of Literature*. Pembahagian dibuat dalam tiga katogeri iaitu, pengarang, pembaca dan karya sastera.



*Literature could be a social establishment, mistreatment as its medium language, a social creation...The author himself could be a member of society, possessed of a particular social status: he receives a point of social recognition and reward; he addresses an audience, but theoretical.*

(Wellek and Warren, 1949)

Penulis sastra yang merupakan anggota masyarakat menciptakan tulisan sastra untuk dimanfaatkan oleh para pembaca. Sastra ialah alat sosial yang menjadikan bahasa sebagai media pengantaraan. Ini disebabkan oleh bahasa itu sendiri tergolong dalam ciptaan sosial. Hashim Awang (1997) menyatakan bahawa sastra memaparkan gambaran realiti sosial.

Sementara itu, Shahnnon Ahmad (1992) yang menyatakan bahawa kesusasteraan pada hakikatnya meletakkan nilai kemanusiaan sebagai tulang belakang dalam segala dimensinya. Kenyataan ini selari dengan pandangan Usman Awang (1970) yang menyatakan bahawa perbincangan tentang sastra merupakan perbincangan tentang manusia. Bicara tersebut melibatkan seluruh kehidupan lahiriah dan batiniah manusia. Ini membawa makna, karya sastra mencerminkan nilai-nilai sosial di kalangan kelompok manusia.

Di samping itu, Alan Swingewood (1972) memetik pendapat Wilbur Scott yang menyatakan bahawa, sastra tidak lahir daripada kekosongan. Alan Swingewood (1972) sendiri berpendapat bahawa karya sastra adalah refleksi sosial. Ertinya, karya sastra merupakan cerminan sosial yakni gambaran akan realiti masyarakat dan zaman karya itu dihasilkan. Sastra adalah mewakili kehidupan dan kehidupan itu dalam ukuran yang lebih luas adalah suatu realiti sosial.

Kesusasteraan dianggap sebagai satu wadah atau satu ekspresi hidup yang amat penting kepada nilai sosial dan dijadikan alat untuk menyempurnakan kehidupan manusia seharian. Karya sastra walau di dalam apa bentuk sekalipun jelas banyak mencerminkan nilai-nilai sosial yang dihasilkan oleh manusia seni.

### **1.1.1 Latar Belakang Kajian**

Masyarakat Tamil yang terdiri daripada masyarakat di India Selatan terkenal dengan amalan Tradisi 'Siddha'. Tradisi tersebut merupakan tradisi terawal yang diamalkan oleh kelompok masyarakat tersebut. Menurut Sami Sithambaranaar, (2001), Tradisi 'Siddha' kaya dengan ajaran-ajaran yang berkaitan dengan kemanusiaan. Antaranya adalah rahsia kelahiran dan kematian umat manusia, matlamat hidup, unsur kefahaman diri, keunikan alam semulajadi, unsur tenaga batin, hidup berkekalan mengatasi kematian serta kesempurnaan kerohanian. 'Arivar' dan 'Niraimoli Maanthar' merupakan antara istilah-istilah tentang para 'Siddha' dalam Tradisi kesusasteraan awal Tamil.

Perkataan '*Siddha*' berasal daripada kata dasar iaitu '*Sittam*', yang bermaksud minda dan memberi makna seseorang yang telah berjaya menguasai minda sepenuhnya. Kebiasaannya, para '*Siddha*' telah memperolehi pelbagai kuasa batiniah menerusi disiplin minda dan fizikal yang tegas (T.N. Ganapathy, 2005) dan disertai dengan pertapaan yang mendalam (M. Rajantheran, 2009). Menurut S.N. Kandaswamy, (2004), para '*Siddha*' mempunyai kelebihan untuk mengetahui perkara-perkara yang berlaku pada masa lampau, masa kini dan masa hadapan. Selain itu, mereka turut mencapai pengetahuan batiniah yang istimewa yang membolehkan mereka hidup kekal mengatasi kematian (S.N. Kandaswami, 2004). Mereka merupakan wira sebenar yang berjaya mengatasi kematian (C. Srinivasan, 2008). Aranga Ramalingam (2004) menyatakan bahawa para '*Siddha*' telah menyampaikan ajaran dan ilmu luar biasa yang amat tinggi nilainya demi umat manusia memperolehi manfaat dan kesedaran kerohanian yang sebenar. '*Siddha*' sebenarnya terdiri daripada golongan manusia istimewa yang berjaya mengecapi tahap kedewaan dan kesucian tertinggi yang tidak terbatas. Ada pepatah Tamil yang berbunyi, 'manusia juga boleh jadi dewa'. Para '*Siddha*' adalah golongan manusia yang berjaya mencari jalan, mengatasi adat dunia, dan mencapai tahap tersebut (T.N. Ganapathy, 2005). Para '*Siddha*' percaya bahawa roh atau jiwa individu dan Tuhan adalah sama. Umat manusia dapat merasai kenyataan ini melalui pertapaan yang tegas, disiplin diri serta kawalan fizikal dimana potensi ini terdapat dalam naluri setiap manusia.

Sementara itu, kesedaran dalaman lebih diutamakan oleh golongan '*Siddha*'. Nilai keTuhanan yang wujud dalam setiap manusia dapat disedari dan dihayati menerusi pertapaan serta meditasi yang berterusan. Namun begitu, terdapat sebahagian lagi '*Siddha*' yang berpendapat bahawa seseorang insan menyedari dan menghayati nilai keTuhanan yang dimilikinya bermula dengan upacara keagamaan. Para '*Siddha*' telah mengasaskan majoriti kuil-kuil utama yang terdapat di India Selatan seperti Kuil Palani, Thiruppati dan Thanjai Periya Kovil.

Justeru, pelbagai buku perubatan tradisional '*Siddha*' yang bermutu tinggi telah dihasilkan oleh para '*Siddha*'. Di samping itu para '*Siddha*' juga terkenal dengan kemahiran yang luar biasa dalam bidang astronomi dan astrologi. Para '*Siddha*' juga pakar dalam bidang Alkimia.

Tidak dinafikan berdasarkan aspek falsafah, bukan semua '*Siddha*' telah mengikuti suatu sistem falsafah yang seragam (Marshall Govindan, 2007). Hal ini kerana ada dalam kalangan mereka yang menuruti falsafah '*Saiva Siddhanta*', '*Vedhanta*', '*Tantrisme*' dan sebagainya. Selain itu, sebahagian daripada mereka ini pula membawa falsafah yang bersifat penyerasian falsafah '*Saiva Siddhanta*' dan '*Vedhanta*' (M. Rajantheran, 2009). Mereka ini selalunya dirujuk sebagai para zahid yang berfikiran bebas serta mementingkan aspek kesedaran kerohanian berbanding dengan ajaran-ajaran yang terikat dengan agama-agama tertentu (Ganapathy, T. N. 2003). Mereka ini juga adalah pemikir-pemikir yang berani menentang ketidakadilan sosial dan mengemukakan pandangan-pandangan yang bersifat revolusi (Marshall Govindan, 2007). Malah, institusi sosial seperti sistem kasta yang bersifat anti-sosial dan memecahbelahkan umat manusia diselar oleh mereka ini serta keprihatinan dan cinta pada umat manusia merupakan tonggak pemikiran dan

tindakan golongan 'Siddha' ini.

### 1.1.2 Kelahiran Tradisi 'Siddha'

Wilayah Tamil Nadu yang terletak di India Selatan, sentiasa dirujuk sebagai tanah 'Siddha'. Seramai 18 orang 'Siddha' telah disenarai sebagai para 'Siddha' yang utama dalam tradisi Tamil 'Siddha'. Berikut adalah senarai nama para 'Siddha' yang paling popular; 'Siddha Agastiyar', 'Siddha Kaaga Pusundar', 'Siddha Sivavaakkiyar', 'Siddha Bogar', 'Siddha Pulippaani', 'Siddha Thirumuular', 'Siddha Koorakkar', 'Siddha Maccamuni' dan 'Siddha Kaalaangi Naathar'.

Melalui kajian puisi-puisi 'Siddha', didapati bahawa gua-gua semulajadi yang terdapat di kawasan hutan bergunung-ganang merupakan tempat kediaman utama para 'Siddha'. Tradisi ini masih wujud sehingga kini, seperti sekitar kawasan pergunungan di India seperti Pothigaimalai, Kollimalai, Saturagiri, banjaran serta pergunungan Himalaya dan sebagainya dihormati sebagai tapak-tapak suci yang popular bagi para 'Siddha' (P. Kamalakannan, 2006).

Sementara itu, pengalaman serta tenaga batin yang telah diperolehi oleh mereka menerusi pertapaan serta pelbagai teknik meditasi dan yoga tetap dirakamkan oleh mereka menerusi puisi-puisi 'Siddha' yang dicipta dalam bahasa yang mudah ataupun lebih tepat, dalam bahasa orang biasa (S.N. Kandaswamy, 2004). Pada masa yang sama rahsia kerohanian yang terkandung dalam puisi-puisi 'Siddha' tadi dipertahankan dengan penggunaan bahasa serta istilah 'Paribaashai' yang hanya dapat difahami oleh mereka yang benar-benar menjiwai ajaran para 'Siddha' (Aranga Ramalingam, 2004). Selain itu, berikut adalah lapan keistimewaan para 'Siddha';

1. 'Anima': Kebolehan untuk membuatkan sebarang benda atau kehidupan menjadi sekecil atom.
2. 'Magima': Kebolehan untuk membuatkan sebarang benda atau kehidupan menjadi sebesar mana yang diinginkan.
3. 'Lagima': Kebolehan untuk membuatkan sebarang benda atau kehidupan menjadi seringan-ringan yang diinginkan.
4. 'Karima': Kebolehan untuk membuatkan sebarang benda atau kehidupan menjadi seberat mana yang diinginkan.
5. 'Praapti': Kebolehan mengetahui trikala (kala lalu, kini dan depan); dan kebolehan untuk memiliki sebarang perkara yang dihasrati.
6. 'Paragamiam': Kebolehan untuk memindahkan roh diri ke dalam badan lain dan sebaliknya.
7. 'Vasittuvam': Kebolehan untuk menguasai segala galanya.
8. 'Isaattuvam': Kebolehan untuk mencipta serta memelihara sebarang perkara yang dihasrati.

Hidup berkekalan mengatasi kematian merupakan puncak pencapaian pelbagai kebolehan yang telah dicapai oleh para '*Siddha*' (C. Srinivasan, 2006). Salah seorang '*Siddha*' bernama '*Arutpiragaasa Ramalinga Vallalaar*' (tahun masihi 1823 - 1873) telah membuktikan bahawa tahap ini memang boleh dicapai. Hidup berkekalan mengatasi kematian ini dicapai apabila badan fizikal ditransformasikan menjadi badan cahaya melalui pelbagai teknik yoga dan pertapaan mendalam. Menurut M. Rajantheran, (2009), kebanyakan puisi para '*Siddha*' menekankan teknik-teknik yoga tertentu serta pengaktifan 6 pusat tenaga.

### 1.1.3 Amalan '*Siddha*' di Malaysia

Kajian menunjukkan bahawa masyarakat India Malaysia terdedah kepada tradisi kepercayaan '*Siddha*' melalui sistem perubatan tradisional (*Siddha Maruttuvam*) yang diperkenalkan di Malaysia pada penghujung abad ke-18 masihi. Seterusnya, seni tilikan nasib (*Naadi Jhotidam*) telah mempopularkan tradisi kepercayaan '*Siddha*' pada tahun-tahun 1970an dan 1980an (Rajantheran, M. 2012). '*Naadi Jhotidam*' ialah salah satu teknik tilikan nasib dalam tradisi India. Sistem ini menggunakan daun-daun palma yang tercatat nasib seseorang. Catatan tersebut dipercayai ditinggalkan oleh para '*Siddha*' demi membantu dan memberi panduan bagi umat manusia meneruskan hidup dengan kepercayaan dan fahaman yang betul (Rajantheran, M. 2012).

Tukang baca yang pakar akan membaca tulisan di atas daun-daun palma. Daun lontar pula mengandungi butir maklumat peribadi pelanggan seperti nama, tarikh lahir, jenis pekerjaan dan sebagainya. Jika semua maklumat ini serasi dengan maklumat pelanggan maka daun palma tadi akan disahkan mengandungi catatan khas untuk pelanggan tadi. Catatan dalam daun palma selalunya berbentuk cakap ajuk (Rajantheran, M. 2012). Maka pelanggan akan rasa seolah-olah seseorang '*Siddha*' sedang berhubung terus dengannya, lalu membantu dirinya mengatasi pelbagai masalah. Dengan ini kepercayaan pelanggan terhadap para '*Siddha*' diperkukuhkan. Tilikan nasib daun palma ini menjadi popular dan bersamanya kepercayaan terhadap para '*Siddha*' turut menjadi popular di kalangan masyarakat India Malaysia (Rajantheran, M. 2012).

Perkembangan di atas turut membuka ruang bagi kelahiran beberapa pertubuhan yang diasaskan berdasarkan ajaran para '*Siddha*'. Pertubuhan-pertubuhan seperti ini didapati telah bergiat aktif dan mendapat sokongan ramai. Mereka ini juga telah menganjurkan kelas-kelas ajaran '*Siddha*' serta kelas-kelas meditasi berdasarkan teknik meditasi yang disyorkan oleh para '*Siddha*' menerusi puisi-puisi mereka (Tamilmani Subramaniam, 2005/2006 & Vishnu Krishnan, 2006/2007). Aktiviti-aktiviti tersebut boleh dikatakan telah menjadi rangsangan hebat bagi ramai orang India Malaysia, berusaha untuk mendalami lagi pengetahuan mereka dalam bidang ini. Lantas, Persidangan Antarabangsa Pertama Falsafah '*Siddha*' telah dianjurkan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, pada tahun 2007. Persidangan ini telah mendapat sambutan di luar dugaan, mencapai kejayaan yang besar. Seterusnya persidangan kedua (2008) telah diadakan di Tamil Nadu India, ketiga (2009) di Batu Caves,



Kuala Lumpur dan yang keempat (2011) diadakan di Tamil Nadu India sekali lagi (M. Rajantheran, 2009).

## 1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti secara terperinci nilai-nilai sosial yang terdapat di dalam puisi-puisi para '*Siddha*'. Salah satu masalah yang kita hadapi dalam usaha pembangunan bangsa kita pada dewasa ini adalah pembinaan spirit mental. Pembinaan spirit mental yang dimaksudkan dalam hal ini adalah usaha peningkatan kesanggupan rohaniah untuk menghayati segala segi kehidupan dan tata nilai yang berlaku dalam masyarakat dengan tujuan mencapai kebahagiaan yang utuh dalam hidup. Salah satu jalan yang boleh dimanfaatkan untuk melakukan pembinaan mental tersebut adalah penghayatan sastera sebagai cabang dari sebuah kesenian. Menurut Sivapalan, G. (2012) puisi-puisi kesusasteraan '*Siddha*' dicipta mengikut keadaan dan keperluan umat manusia bagi mencapai kerohanian hidup yang sempurna. Aranga Ramalingam, (2004) pula menyatakan bahawa, puisi-puisi para '*Siddha*' mengandungi rahsia kerohanian yang dapat menunjukkan bimbingan kepada masyarakat bagi menikmati kehidupan dengan jalan yang betul.

Puisi-puisi tersebut juga menjadi panduan hidup kepada manusia sepanjang hayat mereka. Maka ada keperluan untuk mendedahkan kandungan puisi-puisi '*Siddha*' yang penuh dengan aspek-aspek nilai sosial dalam bentuk kajian. Kajian semasa bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur-unsur sosial yang terkandung dalam puisi-puisi para '*Siddha*'.

Oleh yang demikian, puisi-puisi para '*Siddha*' yang diciptakan bukan sekadar ciptaan kosong tetapi telah memberikan pengertian dan mesej kepada pembaca. Kebolehan yang luar biasa itulah yang dapat ditunjukkan oleh para '*Siddha*' berbanding dengan yang lain bagi menghasilkan puisi-puisi yang mendorong umat manusia untuk menghayati dan merasai intipati puisi-puisi tersebut.

Di samping itu, kebanyakan permasalahan yang diutarakan dalam puisi-puisi para '*Siddha*' menunjukkan pengarang begitu sensitif dengan persoalan kemanusiaan. Ini dapat dikaitkan dengan kehidupan masyarakat dan khalayak tempatan. Dengan mengkaji nilai-nilai sosial dalam kumpulan puisi ini akan memberi kesedaran dan keinsafan kepada pembaca. Oleh itu, kajian ini dianggap tepat dan kena pada masanya sebagai merintis usaha untuk menumbuhkan kesedaran dan menyuburkan penghayatan nilai-nilai sosial itu. Kajian nilai-nilai sosial perlu dilakukan terhadap puisi-puisi para '*Siddha*' bagi mengenali nilai kemanusiaan masyarakat India. Masyarakat India dapat dikesan telah mengalami keperitan hidup; ini ada hubungannya dengan persoalan nilai-nilai sosial.

Pemilihan tajuk kajian ini adalah bersesuaian dengan pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat India di negara ini. Antara permasalahannya ialah kurang penerapan dan pendedahan nilai-nilai sosial dalam realiti kehidupan mereka.

Menurut pengarah MySkills Foundation S. Pasupathi, *Indian B40 community (IB40)*, masyarakat India mengalami kadar keciciran tinggi, kadar jenayah yang lebih tinggi, dan kadar pekerjaan yang rendah berbanding dengan purata negara (Star Online: 7 November 2018). Isu-isu sosial utama seperti alkohol dan gangsterisme bukanlah sesuatu yang baru di kalangan masyarakat dan tersebar cepat di kalangan generasi muda. Kajian holistik perlu dijalankan untuk mengesahkan hujah-hujah tersebut dan mencadangkan implikasi dasar yang sesuai kepada pihak berkepentingan yang relevan (Dash. M, 2014).

Keadilan sosial dan nilai sosial menjadi nadi penghujahan kebanyakan karya sastera dunia pelbagai bahasa. Nilai sosial diangkat sebagai tema universal dalam dunia sastera. Ia hanya dibezakan dengan bahasa. Sehubungan dengan perkara ini, para '*Siddha*' menggunakan puisi sebagai media yang memperjuangkan keadilan sosial dan nilai sosial.

Kajian ini turut meneliti nilai yang menunjukkan ciri-ciri kemasyarakatan dalam puisi-puisi '*Siddha*'. Unsur-unsur ini dianalisis untuk meneliti perkaitannya dengan kehidupan manusia. Disamping itu, menurut Manimaran, S. (2006) walaupun pertubuhan-pertubuhan '*Siddha*' di Malaysia mempunyai matlamat yang seiras, namun masing-masing mengaplikasikan kefahamannya yang tersendiri. Maka, ada keperluan untuk mendedahkan kefahaman para '*Siddha*' yang sebenar menerusi karya puisi-puisi '*Siddha*'.

### 1.3 Persoalan Kajian

1. Apakah unsur-unsur nilai sosial yang terdapat dalam puisi-puisi kesusasteraan '*Siddha*'?
2. Dapatkah puisi-puisi kesusasteraan '*Siddha*' membicarakan aspek nilai-nilai sosial?
3. Sejauh manakah nilai-nilai sosial dalam puisi-puisi kesusasteraan '*Siddha*' dapat dibicarakan dalam karya kesusasteraan Tamil yang lain?

### 1.4 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti nilai-nilai sosial yang terdapat dalam puisi-puisi kesusasteraan '*Siddha*'.
2. Menganalisis aspek nilai-nilai sosial yang terdapat dalam puisi-puisi kesusasteraan '*Siddha*'.
3. Merumuskan aspek nilai-nilai sosial yang terdapat dalam puisi-puisi kesusasteraan '*Siddha*' dengan karya kesusasteraan Tamil yang lain.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini bertujuan mengangkat martabat puisi-puisi kesusasteraan '*Siddha*' menerusi nilai-nilai sosial yang terkandung dalamnya agar mempunyai identitinya sendiri menerusi diagnosis penyelidikan yang sepenuhnya. Kajian ini akan berfaedah kepada pertubuhan-pertubuhan '*Siddha*' di Malaysia dalam membentuk kefahaman yang seiras menerusi pengamatan unsur-unsur pemikiran sosial yang akan dikaji dalam puisi-puisi '*Siddha*'. Kajian ini diharapkan dapat mengukur sejauh manakah nilai-nilai sosial yang hendak disampaikan oleh para '*Siddha*' boleh digunakan oleh pengkaji. Kajian ini turut dapat dijadikan sebagai bimbingan dalam menghayati intipati puisi yang memaparkan nilai-nilai sosial. Nilai-nilai sosial yang telah dikenalpasti merupakan nilai ketamadunan semasa yang akan dijadikan sebagai garis panduan kepada manusia untuk menjalani kehidupan yang sejahtera. Selain itu, kajian ini juga membantu dalam memberi pendedahan tentang falsafah '*Siddha*' yang terkandung dalam karya kesusasteraan Tamil yang lain.

## 1.6 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada koleksi antologi puisi-puisi '*Siddha*', '*Patinettu Siddhargalin Mukkiya Paadalgalum Vilakkangalum*' yang ditulis oleh R. Tamizhpriyan pada 2010. Koleksi antologi yang berbentuk buku ini diterbitkan oleh Chennai, The Premier Art Press (T.S. Raamalingam Narmadha Pathipagam), Edisi Kedua. Menurut Sivabalan. G. (2014),

“Puisi-puisi para '*Siddha*' merupakan warisan sastera yang mengandungi falsafah yang tinggi. Kepada mereka yang berpendidikan dan mempunyai pengetahuan yang benar, ayat-ayat dalam puisi tersebut adalah penjelasan falsafah rohani yang sangat terkenal dalam bahasa rakyat yang dinyatakan secara sederhana dan bergaya.”

Maka, puisi-puisi para '*Siddha*' adalah sangat relevan untuk dipilih sebagai bahan kajian dalam kajian ini. Kajian ini merangkumi 42 buah puisi daripada 140 buah puisi-puisi yang terpilih dari koleksi antologi puisi-puisi '*Siddha*' '*Patineddu Sittharkalin Mukkiya Paadalkalum Vilakkangalum*' yang telah diteliti nilai-nilai sosial yang terdapat dalam kandungannya secara lebih terperinci mengikut keperluan kajian. Walaupun puisi-puisi para '*Siddha*' kaya dengan nilai-nilai sosial tidak terhingga, namun nilai-nilai sosial yang dikenalpasti dan dianalisis dalam kajian ini terbatas kepada akhlak (disiplin), ketaksamaan sosial, dan kepercayaan agama dimana kesemuanya dibahagikan kepada enam katogeri. Sementara itu, puisi para '*Siddha*' yang dipilih dalam kajian ini terbatas kepada '*Siddha Kaduveli*', '*Siddha Sivavaakkayar*', '*Siddha Konganar*', '*Siddha Agappey*' dan '*Siddha Saddai Muni*'. Di samping itu, Karya Kesusasteraan Tamil yang dikaji dalam kajian ini terbatas kepada, '*Thirukkural*', '*Kondrai Venthan*', peribahasa, '*Ulaga Neethi*', '*Akananuru*', '*Nalvazhi*', '*Iniyavai Naarpathu*', '*Puranaanuuru*', '*Naladiyar*', '*Naanmani*'

*Kanndigai* dan *Kambaramayanam* sahaja.

## 1.7 Definisi Operasional

Bahagian ini memberikan definisi nilai, sosial, dan puisi yang menjadi fokus dalam kajian dan dijadikan fahaman yang mantap untuk menjalankan kajian ini dengan lancar. Kesemua definisi tersebut adalah penting kerana dapat memberikan kefahaman yang lebih terarah kepada pengkaji untuk melakukan kajian tentang puisi tradisi India ini.

### 1.7.1 Nilai

Nilai ditakrifkan sebagai panduan hidup yang membantu masyarakat bagi menjalani kehidupan. Merujuk Kamus Dewan (2015), perkataan nilai membawa maksud sifat ketinggian (pemikiran, agama, kemasyarakatan dan lain-lain lagi). Nilai selalunya berkaitan dengan kemasyarakatan yang memaparkan unsur-unsur kerohanian dalam kehidupan. Keberkesanan unsur-unsur tersebut dinilai dengan menganalisis sejauhmana nilai-nilai tersebut dapat dieksploitasikan.

